

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]**

TARIKH : 30.10.2019 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa jumlah perkampungan yang telah dilibatkan dalam Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK), dan adakah pihak kementerian ada menetapkan sebarang jangka masa untuk projek ini diluaskan ke seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) telah dimulakan pelaksanaannya pada tahun 2018 melibatkan pelaksanaan 2 projek rintis iaitu PROSPEK Rintis Kg. Pasir Raja di Daerah Dungun, Terengganu dan PROSPEK Rintis Kg. Sidam di Daerah Kulim di Negeri Kedah dengan melibatkan peruntukan bagi tahun 2018 sebanyak RM1 Juta dan bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM3 Juta. Pelaksanaan 2 PROSPEK Rintis ini melibatkan penglibatan 13 buah kampung masing-masing 6 buah kampung di PROSPEK Rintis Kg. Pasir Raja dan 7 buah kampung di PROSPEK Rintis Kg. Sidam. PROSPEK ini memberi fokus kepada tiga komponen utama iaitu komponen Ekonomi, Prasarana Asas dan Perumahan dan dijangka dapat memberi manfaat kepada 3,000 penduduk di PROSPEK Kg. Pasir Raja dan 3,000 penduduk di PROSPEK Rintis Kg. Sidam. PROSPEK ini dijangka dapat meningkatkan pendapatan peserta sehingga 30%.

2. Bagi tahun 2019 pula, 5 PROSPEK baru telah dipilih melibatkan Negeri Kelantan (Daerah Jeli), Pahang (Daerah Raub), Perak (Daerah Lenggong), Sabah (Daerah Tongod) dan Sarawak (Daerah Matu) yang mana kajian kebolehlaksanaan akan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum projek sebenar dapat dilaksanakan pada tahun 2020. Peruntukan yang telah diluluskan bagi pelaksanaan bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM1.5 Juta.

3. Dalam hal ini, Kementerian juga berhasrat untuk melaksanakan PROSPEK ini di setiap negeri bagi meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar dan dijangka tercapai dalam tempoh RMK-12 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.